



Satu detik indah yang takkan dilupakan bersama barisan Pengasas BE, Ir. Lee Suet Sen & Ho Huey Chuin.



“Jika orang lain boleh melakukannya, kita juga pasti mampu.”

RCCA To Siau Jen (Julie)

Rakan Pengasas & Pengarah Urusan,
Syarikat Import & Penedaran,
Jakarta, Indonesia

Bangkit daripada Tragedi, Melangkah Maju dengan Kekuatan

Jauh sebelum bergelar usahawan, kehidupan Julie telah ditempa oleh pelbagai kepayahan. Sebagai anak kelima daripada tujuh orang adik-beradik, beliau kehilangan bapanya pada usia tujuh tahun dalam satu kebakaran dahsyat yang bukan sahaja meragut nyawa bapanya, malah turut memusnahkan rumah kediaman mereka.

Sejak saat itu, kelangsungan hidup menuntut kecekalan yang tinggi. Selepas waktu sekolah, Julie akan menaja kek buatan sendiri dari rumah ke rumah demi menyara keluarganya. Beliau juga memberikan kelas tuisyen peribadi bagi membantu menampung kos pendidikannya. Malah ketika di universiti, beliau terus bekerja sambil belajar.

Berbekalkan Diploma Perakaunan, Julie memulakan kerjaya sebagai kakitangan akaun. Berkat dedikasi dan kegigihan, beliau kemudian memegang jawatan sebagai Pengarah Operasi. Kira-kira 15 tahun yang lalu, bersama enam rakan kongsi, Julie telah mengasaskan syarikatnya sendiri yang menjalankan perniagaan import dan pendedaran jentera pertanian serta perladangan di Indonesia yang kini terus berkembang kukuh.

Sekadar Sokongan Kecil, Permulaan yang Tidak Disangka

Pada Februari 2021, Julie menyertai BE International bukannya untuk memulakan perniagaan baharu, tetapi sekadar memberi sokongan kepada kakaknya, Fung-fung, yang berhasrat untuk naik pangkat.

Ketika itu, beliau sudah pun sibuk menguruskan syarikatnya sendiri dan langsung tidak berminat dengan perniagaan jualan langsung. Namun, beliau tetap menghormati cita-cita kakaknya dan bersetuju untuk menyertai sekadar sebagai tanda sokongan.

Produk pertama yang dicubanya ialah AULORA Pants with KODENSHI®. Beliau tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan yang serius, hanya sekadar ingin tahu. Namun, setelah memakainya, beliau merasai peningkatan yang ketara



Menerusi Dana Kereta, kami akhirnya membawa pulang kereta impian kami.



Bersyukur dengan bimbingan yang diberikan oleh Pengasas serta upline kami.

Selama bertahun-tahun, kami layak untuk BE Lifestyle Travel sebanyak 12 kali, mengelilingi dunia bersama pasukan dan menikmati pengalaman yang bermakna.



dalam kualiti tidurnya. Sebelum ini, beliau sering terjaga pada pukul 5 pagi dan sukar untuk tidur semula.

Bila Hasil Menjadi Bukti

Apabila Julie mula berkongsi pengalaman peribadinya dengan rakan-rakan, ramai yang mula berminat untuk mencuba produk tersebut.

Hanya dalam tempoh dua minggu, Julie berjaya meraih pangkat Ambassador dengan catatan PGS (Personal Group Sales) yang tinggi.

Pada mulanya, beliau merasakan tanggungjawabnya sudah pun selesai sebaik sahaja berjaya membantu kakaknya. Namun, apabila rakan-rakan mula bertanya tentang peluang perniagaan di sebalik produk tersebut, beliau menyedari bahawa sesuatu yang lebih besar sedang mula terbentuk.

Setelah meneliti sistem BE International, beliau mendapati model perniagaannya amat berbeza daripada perniagaan konvensional. Dengan yuran pendaftaran hanya sekitar

Rp200,000, sesiapa sahaja mampu memulakan perniagaan dengan potensi pendapatan yang sangat lumayan. Kesedaran itu telah mengubah segala-galanya.

Berkembang Melangkaui Zon Selesa

Julie menyifatkan dirinya sebagai seorang yang introvert secara semula jadi. Beliau tidak biasa bertemu dengan ramai orang, apatah lagi untuk aktif di media sosial.

Didorong oleh teladan para pemimpin BE, beliau mula menghasilkan kandungan, melakukan siaran langsung (Live), serta memberikan pendidikan secara dalam talian.

Pandemik turut membawa cabaran tambahan. Sesi latihan, taklimat produk, serta pembentangan perniagaan terpaksa dijalankan sepenuhnya menerusi Zoom. Bimbingan secara bersemuka menjadi sangat terbatas. Apabila upline beliau membuat keputusan untuk berundur, Julie sekali lagi berdepan dengan situasi yang tidak menentu.

Namun, bimbingan terus menyusul menerusi RCCA Jet Tan dan RCCA Lee Siow Mei, yang sentiasa berulang-alik ke Indonesia demi membimbing serta memberikan sokongan kepada pasukan beliau. Berkat kegigihan dan usaha pembelajaran yang berterusan, Julie akhirnya berjaya meraih gelaran RCCA.

Satu Makna Baharu untuk Kepimpinan

Daripada seorang yang dahulunya sering menjauhi perhatian umum, kini beliau diberi kepercayaan untuk menjadi pengacara majlis, penceramah produk, pembentang peluang perniagaan, serta jurulatih Sistem Pendidikan.

Kini beliau bertemu sehingga 30 orang setiap minggu untuk membimbing dan memberikan sokongan kepada pasukannya. Beliau merasai kepuasan yang sangat mendalam apabila menyaksikan pertumbuhan mereka; bukan sahaja dari segi kewangan, malah dari sudut pembangunan peribadi.

Perkara yang paling beliau hargai tentang BE ialah tiada seorang pun ahli yang akan dibiarkan berjuang sendirian. Sistem ini menitikberatkan pendidikan berterusan, struktur pemasaran yang adil, serta budaya bimbingan yang sangat kukuh. Melangkaui sekadar menjual produk, BE sebenarnya membina jati diri, kepimpinan, serta minda yang sentiasa mengutamakan khidmat kepada orang lain.



Berasa sangat berbesar hati menerima pengiktirafan CCA yang berprestij, Dana Kereta serta Dana Rumah secara berturut-turut di BE Convention 2022.



Menghadiri malam penuh gilang-gemilang, Star Awards Nite.

Kejayaan yang Dinilai Melalui Impak

Kini, Julie sentiasa berasa terhutang budi kepada para mentor yang telah membimbing beliau, meskipun mereka bukanlah 'upline' langsung beliau.

Bagi Julie, kejayaan sebenar diukur melalui impak, pertumbuhan, serta sejauh mana beliau mampu mengubah hidup insan lain dalam perjalanan ini.

Beliau berpegang kepada satu prinsip:

“Walaupun kita dilahirkan dalam keluarga yang kurang berkemampuan, kita harus berusaha keras untuk mengubah nasib hidup. Jika orang lain boleh melakukannya, kita juga pasti mampu.”

Menerusi BE International, Julie telah membuktikan bahawa latar belakang anda bukanlah penentu masa depan, sebaliknya, keazaman andalah yang akan mencoraknya.